

264

SOALAN NO. 503

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail
[Permatang Pauh]

TARIKH : 23 Oktober 2017

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan perangkaan anak-anak yatim di institusi kanak-kanak di bawah penyeliaan Kementerian mengikut kategori kumpulan umur dan langkah Kerajaan bagi menangani keperluan pendidikan, tuntutan pekerjaan anak-anak yatim pasca penyeliaan di bawah Kementerian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak yang dipelihara di institusi kanak-kanak diberi pembelaan sewajarnya. Terdapat empat kategori institusi yang menempatkan kanak-kanak dengan lingkungan umur dari lahir sehingga mencapai umur 18 tahun iaitu Rumah Kanak-Kanak, Taman Seri Puteri, Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Akhlak.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Jun 2017, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang ditempatkan di bawah institusi adalah seramai **2,351 orang**. Daripada jumlah tersebut, seramai **516 orang** adalah merupakan anak yatim yang kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya serta kanak-kanak bagi kes-kes yang dijumpai atau ditinggalkan atau dibuang di bawah seksyen 17(a)(e) Akta Kanak-Kanak

2001. Maklumat pecahan umur adalah seperti berikut, seramai **42 orang** kanak-kanak berumur 0 hingga 4 tahun, , **28 orang** berumur 4 hingga 6 tahun, **118 orang** berumur 7 hingga 12 tahun dan **328 orang** berumur 13 hingga 18 tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang kanak-kanak ditempatkan dalam institusi, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan kanak-kanak diberi pemeliharaan dan penjagaan seiring dengan keperluan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada mereka adalah seperti berikut:

- a) **Pemeliharaan dan Perlindungan** - Bertujuan memberikan pemeliharaan dan perlindungan yang menggalakkan perkembangan jasmani, mental dan emosi yang sihat secara holistik kepada kanak-kanak .
- b) **Bimbingan dan Kaunseling** - Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diberi kepada kanak-kanak untuk membantu mereka

mengatasi masalah emosi dan psikologi serta membentuk perangai dan tingkahlaku yang sesuai. Kaunselor/ Pegawai Psikologi ditempatkan di institusi membantu dan memberi sokongan psikologi kepada kanak-kanak.

- c) **Pendidikan** - Kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan dihantar ke sekolah aliran perdana bagi menjamin mereka mendapat pendidikan formal serta peluang untuk bergaul dengan kanak-kanak yang lain. Kanak-kanak yang berusia 4-6 tahun menghadiri Tadika di luar institusi manakala kanak-kanak di bawah usia 4 tahun menghadiri Taska di dalam institusi.
- d) **Latihan Kemahiran/Vokasional** - Kanak-kanak yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah formal, institusi menyediakan latihan kemahiran/vokasional. Latihan kemahiran/vokasional ini diharap dapat melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran asas sejajar dengan kebolehan dan potensi mereka apabila mereka keluar dari institusi kelak. Antara bidang kemahiran yang disediakan adalah seperti bakeri, jahitan, penyediaan makanan, automotif, elektrik dan pertukangan.

268

e) **Didikan Agama dan Moral** - Perkhidmatan ini adalah untuk menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak kanak-kanak di bawah jagaan. Semua kanak-kanak diberi peluang untuk mengamalkan agama ibubapa mereka. Kanak-kanak yang beragama Islam disediakan surau untuk sembahyang. Hal-hal agama seperti membaca Al-Quran dikendalikan oleh guru-guru agama terlatih. Kemudahan-kemudahan dan galakan juga diberi kepada kanak-kanak yang bukan beragama Islam untuk mengamalkan agama masing-masing di mana kanak-kanak ini dibenarkan untuk ke kuil, gereja dan tokong.

f) **Riadah dan Rekreasi** - Aktiviti riadah dan rekreasi ada bagi menjamin kesihatan dan pertumbuhan jasmani kanak-kanak. Kanak-kanak digalakkan untuk turut serta dalam pelbagai jenis permainan luar dan dalaman. Mereka diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pertandingan olahraga dan sukan di dalam dan di luar institusi. Kanak-kanak yang besar digalakkan menjadi ahli dalam pertubuhan sukarela berpakaian seragam. Kanak-kanak juga dibawa berkelah dan melawat tempat-tempat yang menarik dari masa ke masa.

- g) **Rawatan dan perubatan** - Kanak-kanak turut menerima khidmat perubatan dan kesihatan yang rapi. Pegawai-pegawai perubatan dari hospital yang berdekatan juga akan melawat Rumah Kanak-Kanak (RKK) untuk memberi rawatan dan bimbingan mengenai jagaan kesihatan kanak-kanak.

Selain dari itu, bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen diri semasa kemasukan ke institusi, urusan Permohonan Daftar Lewat Kelahiran akan diuruskan di Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi kanak-kanak yang belum ditentukan kewarganegaraan, permohonan turut dipanjangkan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Walau bagaimanapun pemberian kerakyatan seseorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan di bawah bidang kuasa kementerian tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi bekas penghuni yang telah mencapai usia 18 tahun, mereka akan dintegrasikan semula kepada masyarakat di mana sekiranya mempunyai keluarga, mereka akan dikembalikan semula kepada ibu bapa/ penjaga penghuni tersebut. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab ibu

bapa/penjaga untuk menentukan masa depan penghuni. Bagi yang tiada keluarga atau waris, JKM melaksanakan penempatan penghuni bersama keluarga ganti atau keluarga pelihara lebih awal sebelum mereka mencapai usia 18 tahun atau dikenali sebagai program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga. Oleh yang demikian, kehidupan bekas penghuni akan lebih terjamin dan mampu berdikari melalui sokongan sosial dalam suasana kekeluargaan.

Bagi membantu bekas penghuni yang keluar dari institusi, JKM turut menjalankan program kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Giat Mara, Malaysia Automotive Institute (MAI) dan syarikat korporat seperti Amway dan McDonalds untuk mereka mengikuti latihan dalam bidang kemahiran yang bersesuaian dan seterusnya mendapat pekerjaan. JKM sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa kebajikan bekas penghuni yang keluar dari institusi sentiasa terbela dan mereka akan tetap dibantu seperti penerima bantuan yang lain sekiranya berkecukupan.